

20 AUG 1998

APEC-SIDANG KEMUNCAK/I

SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN APEC TUMPU KEPADA KRISIS EKONOMI

PETALING JAYA, 20 Ogos (Bernama) -- Krisis kewangan yang melumpuhkan Asia dan langkah-langkah untuk mengembalikan keyakinan pelabur terhadap rantau ini akan menjadi tumpuan utama Sidang Kemuncak Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang akan berlangsung selama empat hari bermula 14 Nov 1998 di Kuala Lumpur.

Pengerusi bersama jawatankuasa penganjur bagi Sidang Kemuncak Perniagaan APEC Malaysia 1998, Datuk Abdullah Mat Zaid berkata mesyuarat peringkat tinggi itu akan memberi keutamaan kepada isu-isu penting berkaitan dengan pelanggaran sistem kewangan global dan sejauh mana peranan dan sumbangan APEC dalam mengatasi masalah ini.

Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) akan menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak tersebut, yang akan didahului oleh satu mesyuarat persediaan di Taipei, Taiwan dari 2 hingga 7 Sept, 1998. Pengerusi Eksekutif Malaysian Airline System Bhd Tan Sri Tajudin Ramli ialah pengerusi ABAC.

Bercakap pada satu sidang akhbar di sini hari ini, Abdullah berkata bahawa Sidang Kemuncak ini akan memberi peluang keemasan kepada semua syarikat, samada tempatan atau luar negara, untuk merancang strategi menangani masalah ekonomi sekarang.

Kira-kira 1,500 ketua eksekutif, pemimpin korporat dan ahli ekonomi dari negara-negara anggota APEC dijangka menghadiri Sidang Kemuncak ini, yang juga bertujuan menggalakkan hubungan perniagaan dan strategik antara usahawan.

"Mengenal pasti peluang-peluang perniagaan baru, pelaburan dan pemindahan teknologi akan juga diberi keutamaan oleh pemimpin-pemimpin korporat," tambah beliau.

Menurut Abdullah perbincangan dari hati ke hati akan diadakan oleh pemimpin-pemimpin korporat terkemuka di rantau ini mengenai peluang-peluang pelaburan langsung asing dan bagaimana peluang-peluang timbul daripada portfolio berisiko sekarang.

"Bidang-bidang baru yang boleh dimanfaatkan oleh pelabur-pelabur asing daripada pelaburan langsung akan juga diteliti," katanya, sambil menambah bahawa pemimpin-pemimpin korporat akan mempunyai peluang perangkaan unik untuk mewujudkan perkongsian perniagaan baru dalam pelbagai sektor.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan utama dan merasmikan sidang kemuncak itu pada 15 Nov, 1998. Beliau juga akan mengadakan dialog terbuka dengan peserta-peserta Sidang Kemuncak itu.

-- BERNAMA

DVS KY JR